

RCI: Bekas timbalan menteri nafi terlibat Projek IC
Malaysian Insider
Sept 10 , 2013
OLEH LEE SHI-IAN

Bekas timbalan menteri pembangunan luar bandar menafikan pernah bertemu Tan Sri Megat Junid Megat Ayub atau terbabit dengan Projek IC dan mendakwa beliau hanya mengetahui mengenai perkara itu setahun lalu apabila Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung pendatang tanpa izin di Sabah ditubuhkan.

Datuk Muhammad Yahya @ Yahya Lampong berkata, dakwaan Ketua Daerah Sandakan Hassnar Ebrahim tidak berasas dan beliau tidak boleh dipercayai, bagaimanapun, Yahya tidak bercadang untuk menyaman Hassnar.

Beliau memberitahu lima panel RCI yang diketuai bekas Ketua Hakim Sabah dan Sarawak, Tan Sri Steve Shim Lip Kiong, tiada gunanya mengambil tindakan undang-undang terhadap orang yang tidak boleh dipercayai.

Shim bertanya kepada Yahya apa beliau fikir mengenai pertuduhan dibuat Hassnar dan pembabitannya dalam Projek IC.

Yahya berkata, beliau mengenali Hassnar oleh kerana sebelum ini berada dalam parti politik sama tetapi tidak rapat dengannya.

Hassnar sebelum ini memberitahu RCI, beliau dan Yahya bertemu Megat Junid, bekas timbalan Menteri Dalam Negeri pada 1980-an bertujuan membincangkan pemerkasaan hak Melayu di Sabah.

"Saya tidak terlibat dalam Projek IC atau mendapat keuntungan daripada pemberian kad pengenalan kepada pendatang haram. Saya tidak tahu mengapa Hassnar membuat tuduhan itu terhadap saya," kata Yahya menjawab satu lagi soalan daripada Shim.

Dalam pilihan raya umum ke 13 lalu, Yahya bertanding di kerusi Parlimen Papar di bawah tiket PKR tetapi kalah kepada cucunya, Datuk Rosnah Abd Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ketua Puteri Umno. – 9 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rci-bekas-timbalan-menteri-nafi-berte-mu-megat-junid>